



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

THE GREAT CHALLENGE DEMO DAY PAMER INOVASI ROBOTIK MASA DEPAN DAN BAKAT BAHARU

KUALA LUMPUR, 14 Mac 2025 – Acara Grand Robotic Engineering and Technology (GREAT) Challenge Demo Day, yang telah berlangsung pada 23 Februari 2025 lepas, menghimpunkan pemimpin industri, peminat teknologi, dan inovator muda bagi menyaksikan kemajuan terkini dalam teknologi robotik. Dianjurkan oleh Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) di bawah Industrial Technology Innovation Centre (ITIC), acara ini bertujuan untuk menghubungkan bakat robotik baharu dengan pemain industri, memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab inovasi robotik.

Acara ini menyaksikan penyertaan 400 pelajar daripada 50 pasukan yang mewakili 12 universiti terpilih, menyediakan ruang untuk mereka membangunkan penyelesaian robotik inovatif terkini. Sebagai pertandingan robotik utama di Malaysia, GREAT Challenge memupuk pemimpin teknologi masa depan dengan membekalkan mereka kemahiran dan peluang untuk membangunkan inovasi yang menyelesaikan cabaran dunia sebenar dalam sektor pembuatan, pertanian, dan penjagaan kesihatan.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) muncul sebagai pasukan terbaik dengan merangkul tempat pertama melalui inovasi RoboBot, dengan ciptaan mereka, *Smart Medicine Dispensing Robot*, yang telah berjaya memukau para juri dan pemimpin industri dengan pendekatan inovatif mereka. Kemenangan ini mengukuhkan lagi komitmen Malaysia terhadap kemajuan robotik di bawah Pelan Hala Tuju Robotik Kebangsaan 2021-2030 (NRR30), sekali gus memacu misi negara dalam melahirkan bakat bertaraf dunia dan menerajui kemajuan teknologi.

Di tempat kedua, TechPulse dari Asia Pacific University (APU) memperkenalkan *Autonomous Rubber Tapping Robot*, manakala tempat ketiga diraih oleh Fantastic 4.0, juga dari APU, dengan inovasi Secure Path AGV Rover. Teknologi canggih ini menonjolkan keupayaan luar biasa bakat muda Malaysia dalam membentuk masa depan automasi dan teknologi pintar.

“Inovasi adalah tunjang utama masa depan Malaysia, dan inisiatif seperti GREAT Challenge memainkan peranan penting dalam memupuk bakat robotik tempatan,” kata Datuk Wira Dr. Hj. Rais Hussin Hj. Mohamed Ariff, Ketua Pegawai Eksekutif MRANTI. “Dengan menghubungkan inovator muda dengan pemain industri, kita bukan sekadar membangunkan prototaip tetapi turut membentuk masa depan ekonomi automasi dan teknologi tinggi Malaysia.”

Selepas Hari Demo GREAT Challenge, pemenang terpilih akan disalurkan ke dalam Program Minimum Viable Product (MVP) MRANTI serta inisiatif rakan kerjasama seperti Sunway LaunchX dan RoboCup, yang menyokong peralihan dari prototaip kepada produk sedia untuk pasaran. Selain itu, pasukan terbaik turut dijemput untuk mempamerkan inovasi mereka semasa pelancaran Robotic Talent Development Academy (RoTDA) pada 27 Februari 2025 yang lepas.

“GREAT Challenge bukan sekadar pertandingan, tetapi ia juga menyediakan satu peluang bagi inovator muda untuk mengkomersialkan idea mereka dan membawa perubahan bermakna dalam ekosistem robotik,” kata Mohd Safuan Mohd Zairi, Ketua Pegawai Ekosistem MRANTI.

Acara ini turut menekankan peranan MRANTI sebagai hab kolaboratif bagi inovasi teknologi, menyediakan kemudahan, pembiayaan, dan program pembangunan kapasiti yang mempercepatkan pertumbuhan sektor robotik di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif dan acara MRANTI yang akan datang, layari <https://mranti.my/>

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
14 MAC 2025